

## **FAKTOR-FAKTOR PENDORONG AKTIVITI MEROKOK DALAM KALANGAN MAHASISWA POLITEKNIK**

Muhamad Hashim Ahmad\*, Zaharatul Akmar Ahmad Zainuddin,  
dan Ahmad Yusri Abd Nasir

<sup>1</sup>Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Selangor, Malaysia.

\*Pengarang pengantara: mhashim4225@gmail.com

### **Abstrak**

Para pelajar di Institusi Pengajian Tinggi Awam seperti politeknik tidak terkecuali terlibat dalam budaya merokok. Budaya negatif ini telah mengundang kebimbangan kepada pelbagai pihak baik institusi pendidikan, institusi kekeluargaan dan masyarakat. Kesan ketara akibat budaya ini adalah menjelaskan kesihatan, kecemerlangan akademik, kebersihan dan lain-lain. Objektif utama kajian ini adalah untuk mengkaji faktor-faktor yang mendorong pelajar Politeknik Malaysia terlibat dalam aktiviti merokok. Objektif kedua kajian melihat faktor-faktor mengekal pelajar terus merokok sepanjang pengajian. Metodologi kajian ini ialah berbentuk deskriptif menggunakan kaedah ‘convenience sampling’ dengan instrumen borang soal selidik. Populasi kajian ini melibatkan seramai 2,265 orang iaitu keseluruhan pelajar lelaki di Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah. Sampel kajian ialah seramai 322 responden berdasarkan Jadual Krejic dan Morgan. Kajian rintis turut dilaksanakan dengan nilai Cronbach Alpha 0.92 iaitu melepassi nilai piawaian 0.60 dan boleh dilaksanakan edaran borang kaji selidik. Data dianalisa menggunakan SPSS berdasarkan frekuensi, purata skor min dan peratus. Hasil dapatan kajian ini menunjukkan bahawa faktor-faktor yang mendorong pelajar mula merokok terdiri daripada ahli keluarga dengan purata skor min sebanyak 2.01, rakan sebaya (purata skor min 2.9), diri sendiri (purata skor min 2.81) dan media massa (purata skor min 2.76). Dapatan seterusnya, faktor-faktor yang mengekalkan pelajar terus merokok ialah ketagihan (purata skor min 2.82), stres (purata skor min 2.92), dan rasa tidak bahaya (purata skor min 2.99). Semoga dapatan ini membantu para pelajar, masyarakat, institusi pendidikan, dan para penyelidik seterusnya dalam mendepani cabaran merokok pelajar Pusat Pengajian Tinggi ke arah budaya sifar merokok.

Kata Kunci: Ketagihan; Merokok; Pelajar Lelaki; Politeknik;

## **1.0 Pengenalan**

Penggunaan tembakau merupakan ancaman kesihatan awam terbesar dan menyumbang kepada kematian sehingga lapan juta orang setiap tahun di seluruh dunia. Jumlah perokok di Malaysia pada tahun 2022 seramai 4.8 juta perokok menyumbang kepada 27,000 kematian (Astro Awani, 2022). Merokok dalam kalangan pelajar politeknik dikatakan didorong oleh pelbagai faktor. Pengaruh sosial, pengaruh persekitaran, pengaruh psikologi dan sebagainya dikatakan antara faktor pengaruh yang menyumbang kepada aktiviti merokok. Sekaligus gejala ini juga mendatangkan kesan negatif bukan sahaja kepada pelajar politeknik, bahkan terpalit sama institusi pendidikan, masyarakat dan negara. Budaya merokok memberi kesan negatif kepada kesihatan tubuh badan. Antaranya, merokok menyebabkan kulit mengalami kekurangan oksigen dan nutrien serta menjadikan gigi berkarat. Pembakaran tembakau dalam rokok menyebabkan kanser mulut, kanser paru-paru, sakit jantung dan sebagainya.

## **1.1 Penyataan Masalah**

Jumlah remaja lelaki yang merokok berusia 12 hingga 18 tahun dianggarkan sebanyak 30 peratus. Jumlah perokok tegar di negara ini melebihi 4.7 juta orang. Menurut Global Adult Tobacco Survey, Kementerian Kesihatan Malaysia (2011) menyatakan jumlah perokok lelaki ialah seramai 43.9%, sebaliknya perokok perempuan cuma 1.0%. Menurut Sallehudin (2014), jumlah perokok lelaki ialah sebanyak 37% manakala perokok wanita ialah sebanyak 21% bagi negara maju. Sebaliknya, sebagai perbandingan dengan negara berpendapatan rendah, jumlah perokok lelaki ialah 49% manakala wanita ialah 8%. Berdasarkan statistik ini, dapat disimpulkan bahawa jumlah perokok lelaki agak tinggi. Kerajaan telah mewujudkan 270 Klinik Berhenti Merokok di seluruh negara sejak 2001 namun usaha ini belum menemui kejayaan sepenuhnya. Mengikut statistik pada 2019 (Astro Awani, 2022), seramai 73,836 perokok telah menyertai program berhenti merokok dengan peratus kejayaan sebanyak 23 peratus atau 16,930 perokok berhenti daripada tabiat merokok. Dianggarkan kerajaan Malaysia akan membelanjakan sehingga RM 7.4 billion setahun untuk rawatan penyakit berpunca daripada aktiviti merokok seperti kanser paru-paru, masalah jantung koronari dan lain-lain menjelang 2025 (Astro Awani, 2022).

## **1.2 Objektif dan Kepentingan Kajian**

Objektif kajian ini ialah mengenal pasti faktor-faktor yang mendorong pelajar politeknik mula merokok. Selain itu, kajian ini juga bertujuan mengenal pasti faktor-faktor yang mengekalkan amalan merokok dalam kalangan pelajar politeknik. Hasil kajian ini diharapkan dapat membantu dan memberi manfaat serta faedah kepada semua pihak terutamanya kepekaan menangani budaya merokok terutama dalam kalangan warga politeknik.

## **2.0 Kajian Literatur**

Allah berfirman di dalam Surah Al-Baqarah:168 iaitu “Wahai manusia! Makanlah yang halal lagi baik”. Ayat ini merujuk kepada perintah untuk mendapatkan makanan yang halal dan baik untuk kesihatan serta

mencakupi cara memperolehinya, seperti tidak dengan cara merampas dan mencuri, demikian juga tidak dengan muamalah yang haram dan tidak membantu perkara yang haram. Dalam konteks lebih luas termasuk sebarang aktiviti merokok adalah ditegah kerana termasuk dalam kategori membahayakan kesihatan.

Malah pengambilan produk yang halal dan bersih adalah dituntut oleh Islam berdasarkan kepada dalil al-Quran dan al-Hadith. Yusuf al-Qaradawi (1977) berpendapat halal dan bersih mempunyai ruang lingkup yang luas dan tidak hanya tertumpu kepada isu makanan dan minuman semata-mata, bahkan hendaklah mampu memelihara lima perkara darurat iaitu agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Merokok membahayakan kesihatan yang boleh membawa maut. Halal dan haram sesuatu barang dan perkhidmatan adalah berasaskan kepada hukum syarak yang merujuk kepada al-Quran dan hadis (Ahmad Hidayat dan Siti Mariam, 2016). Islam mengambil berat mengenai perkara halal dan haram dalam segala aspek penggunaan. Muzakarah kali ke-37 pada 23 Mac 1995 telah memutuskan tabiat merokok itu haram mengikut pandangan Islam (Al Hafiz, 2023)

Rokok tradisional berfungsi dengan membakar tembakau, menghasilkan asap yang mengandungi lebih 6,000 jenis bahan kimia, termasuk lebih daripada 100 yang diklasifikasikan sebagai karsinogen. Rokok juga turut mempunyai nikotin yang mengakibatkan ketagihan. Dengan peredaran masa, rokok elektronik, atau vape dihasilkan sebagai alternatif kepada perokok yang berhasrat untuk berhenti merokok. Vape berfungsi memanaskan cecair yang mengandungi nikotin, perasa dan bahan kimia lain untuk menghasilkan aerosol yang disedut oleh pengguna (Berita Harian, 2024).

Pengambilan rokok dalam usia remaja dilihat sebagai tingkah laku untuk bereksperimen sebelum remaja tersebut kekal menjadi perokok apabila dewasa (Johnston, O'Malley & Bachman, 2001). Selain itu, remaja tersebut mula merokok disebabkan persekitaran yang tidak sihat membuatkan diri mereka terpengaruh dalam kegiatan merokok. Seterusnya, faktor penyebab remaja mula merokok adalah disebabkan pengaruh ibu bapa, pengaruh rakan sebaya, faktor keperibadian dan media massa. Menurut Rochadi (2005) dalam kajiannya menyatakan bahawa siswa yang merokok kebanyakannya turut dipengaruhi rakan yang merokok. Disamping itu, kajian Sufian (2004) juga menyatakan bahawa merokok boleh didorong oleh desakan rakan sebaya. Media massa ialah salah satu faktor kuat yang bebas menyiarkan iklan. Paparan iklan rokok menjadikan remaja lelaki lebih mudah terpengaruh untuk ikut merokok (Aslam, et al, 2014).

Kerajaan Malaysia telah menggalakkan pelaksanaan kajian berkaitan dengan tabiat merokok bagi menentukan faktor-faktor penyumbang kepada tabiat merokok dan kesan merokok kepada perokok itu sendiri (Lim et al. 2018). Kerajaan Malaysia sentiasa berusaha untuk menyahut seruan Global Health Assembly yang menyasarkan penurunan sebanyak 30 peratus penggunaan

tembakau dalam kalangan orang dewasa menjelang 2025 (Nor et al. 2018). Rokok bukan sahaja mendorong risiko kesihatan kepada perokok sendiri, malah juga mendorong risiko kepada individu yang berada berdekatan dengan perokok. Terdapat 25 jenis penyakit yang berkaitan dengan tembakau telah pun dikenal pasti berpunca daripada aktiviti merokok, termasuk kanser paru-paru, kanser bibir, mulut dan farinks, esofagus, pankreas dan sebagainya (Jamaludin Bakar et.al, 2023)


Menurut Mahatdir et.al (2018) dalam kajian bertajuk Faktor Tingkah laku Merokok Dalam Kalangan Mahasiswa Universiti mendapati faktor yang mempengaruhi mahasiswa di universiti dalam tingkah laku merokok adalah pengaruh rakan, tekanan, kepuasan peribadi, sifat ingin tahu dan persepsi peribadi. Majoriti responden yang terlibat dalam kajian ini mengakui mula merokok apabila mengalami tekanan ketika berada di universiti. Tekanan yang dialami berpunca daripada masalah berkaitan dengan pelajaran di universiti. Bahkan, penemuan menunjukkan responden mengaku merokok sebagai cara untuk mengurangkan tekanan yang dialami.

Banyak kajian yang membuktikan bahawa produk tembakau alternatif ternyata kurang berbahaya berbanding rokok. Walau bagaimanapun, harus diingatkan bahawa walaupun produk alternatif ialah pilihan lebih baik daripada rokok, ia masih tidak membebaskan pengguna dan pelajar politeknik daripada risiko kesihatan. Justeru, keputusan terbaik adalah dengan tidak mendedahkan diri kepada kegiatan merokok (Berita harian, 2024). Sehubungan itu, pelajar politeknik khasnya dan universiti amnya amat dititik berat supaya meninggalkan dan menjauhi aktiviti merokok bagi melahirkan generasi Malaysia yang sihat.

### **3.0 Metodologi Kajian**

Metodologi kajian yang diguna pakai ialah berbentuk deskriptif yang menggunakan sepenuhnya borang kajian soal selidik. Kesilapan dalam memilih reka bentuk kajian yang tidak relevan, hasil dapatan adalah kurang tepat. Natijahnya, ini mendorong kesan negatif kepada pengkaji seterusnya yang membuat rujukan terhadap hasil dapatan kajian tersebut (Chua, 2012, Yusmina Yusof et.al 2015, Muhamad Hashim dan Suria, 2015, Muhamad Hashim et.al 2023). Rekabentuk kajian direka untuk meninjau dan mengenal pasti faktor-faktor yang membawa kepada merokok dalam kalangan pelajar politeknik.

Berdasarkan kepada bentuk persoalan kajian, kumpulan pengkaji telah memfokuskan pendekatan reka bentuk kajian jenis kuantitatif dengan cara mendapatkan maklumat daripada responden melalui borang soal selidik yang telah dijawab. Kajian ini dibahagikan kepada empat fasa utama seperti ditunjukkan dalam rajah 1.



**Rajah 1 : Rekabentuk Kajian**

### 3.1 Reka Bentuk, Populasi dan Sampel Kajian

Kajian ini menggunakan kajian tinjauan yang berbentuk kuantitatif. Mengaplikasikan Teori Pilihan Rasional oleh Coleman (1990) relevan dengan gelagat seorang perokok yang mana seseorang pengguna itu akan melihat kepada faedah kebendaan dan spiritual. Populasi kajian ini ialah pelajar lelaki Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah meliputi Jabatan Perdagangan dan Jabatan Kejuruteraan Elektrik, Awam dan Mekanikal seramai 2265 orang. Metodologi kajian menggunakan persampelan rawak mudah atau *convenience sampling* dengan saiz sampel sebanyak 322 responden pelajar politeknik berdasarkan Jadual Krejcie & Morgan (1970). Kajian ini mengadaptasi soal selidik yang diubah suai daripada Jurnal Pendidikan 2004, Universiti Malaya, Fakulti Psikologi 2014, dan School of Medicine and Health Sciences, 2014.

### 3.2 Ujian Rintis

Tujuan utama ujian rintis atau *pilot test* dijalankan adalah bagi menentukan kebolehpercayaan dan kesahan instrumen. Juga menguji tempoh yang diperlukan untuk menjawab soal selidik, mengenalpasti kekurangan item dan menggugurkan item-item yang tidak menghasilkan data yang diperlukan (Muhamad Hashim et.al 2023). Satu ujian rintis telah dijalankan sebelum kajian sebenar dilaksanakan. Pekali Saiz Cronbach's Alpha bagi kajian rintis melebihi 0.7 dan semua maklumat dianalisis menggunakan Perisian Statistik SPSS. Berdasarkan Nunally (1978) dan Yusmina et.al (2015), dapatan kajian rintis ini adalah mencapai nilai kesahan seperti mana ditunjukkan dalam Jadual 1 dan Jadual 2. Langkah seterusnya ialah pengedaran borang kaji selidik kepada responden.

**Jadual 1 : Reliability Statistics**

( Faktor-faktor yang mendorong pelajar politeknik merokok)

Cronbach's Alpha	Cronbach's Alpha Based on Standardized Items	N of Items
.923	.922	24

**Jadual 2 : Reliability Statistics**

( Faktor-faktor yang mengekalkan pelajar politeknik merokok)

Cronbach's Alpha	Cronbach's Alpha Based on Standardized Items	N of Items
.930	.926	24

### 3.3 Instrumen Kajian dan Kaedah Analisis Data

Instrumen kajian ini ialah soal selidik bagi mengkaji kajian faktor-faktor yang mendorong dan mengekalkan aktiviti merokok dalam kalangan pelajar politeknik. Borang soal selidik mempunyai 3 bahagian iaitu Bahagian A, B, dan C. Bahagian A mengandungi 3 soalan yang terdiri daripada maklumat demografi responden manakala Bahagian B pula bentuk skala likert bagi menjawab kepada objektif pertama kajian, sebanyak 24 soalan. Bagi Bahagian C juga dalam bentuk skala likert untuk menjawab kepada objektif kedua kajian iaitu tentang faktor-faktor yang mengekalkan pelajar merokok, juga sebanyak 24 soalan. Data kajian daripada responden ini dianalisa dengan menggunakan kaedah statistik SPSS iaitu min dan peratusan frekuensi digunakan bagi menjawab persoalan kajian.

## 4.0 Hasil Dapatan

Jadual 3 dan Jadual 4 menunjukkan dapatan analisa skor min dan peratusan bagi menjawab objektif kajian pertama iaitu mengenal pasti faktor-faktor yang mendorong pelajar politeknik mula merokok dan objektif kedua iaitu mengenal pasti faktor-faktor yang mengekalkan amalan merokok dalam kalangan pelajar politeknik.

### 4.1 Profil Demografi

Aspek yang diambil kira dalam faktor demografi antaranya umur, bangsa dan jabatan pelajar. Maklumat berkaitan demografi diringkas seperti dalam Jadual 3.

<b>Jadual 3:</b> Profil Demografik Responden		
<b>Profil Demografik</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratusan (%)</b>
<b>Umur</b>		
18 - 20 Tahun	194	60.3
21 - 23 Tahun	107	33.2
24 Tahun & ke atas	21	6.5
<b>Bangsa</b>		
Melayu	223	69.3
Cina	31	9.6
India	50	15.5
Lain-lain	18	5.6
<b>Jabatan</b>		
Perdagangan	81	25.2
Kej. Elektrik	81	25.2
Kej. Mekanikal	80	24.8
Kej. Awam	80	24.8

Seramai 322 orang responden telah memberikan maklum balas, iaitu 223 orang responden atau 69.3% secara majoriti ialah responden pelajar melayu dan selebihnya, 99 orang atau 30.7% ialah bangsa- bangsa lain. Semua responden ialah pelajar lelaki. Kajian ini memperlihatkan kesesimbangan responden mengikut jabatan akademik tempat responden belajar iaitu sekitar 24.8% ( Kejuruteraan Awam dan Mekanikal) dan 25.2% (Kejuruteraan Elektrik dan Perdagangan). Kajian ini juga mengambil kira umur responden iaitu julat umur 20 tahun dan ke bawah ( 60.3% ), julat umur 21 hingga 23 tahun ( 33.2%) dan julat umur 24 tahun dan ke atas ( 6.5%). Julat umur 24 tahun dan ke atas paling rendah disebabkan kebanyakan pelajar politeknik pada tahap diploma, dan dua program menawarkan pengajian di peringkat sarjana muda.

### 4.2 Analisis Diskriptif

Maklumat yang diperolehi telah diproses dan diringkaskan dalam Jadual 4 iaitu bagi menjawab objektif kajian pertama berdasarkan soalan-soalan dari Bahagian B. Dapatan seksyen 1, Jadual 4 menunjukkan faktor-faktor yang

mendorong pelajar politeknik mula merokok. Tiga skor min tertinggi diperolehi adalah bagi soalan “saya merokok kerana ada ahli keluarga saya yang merokok” iaitu (2.50), “ayah dan ibu saya tidak melarang saya untuk merokok” iaitu (2.21) dan “saya sering terdedah kepada rokok kerana saya sering disuruh membeli rokok oleh ahli keluarga saya” iaitu (2.05). Ketigatiga soalan ini berada pada tahap sederhana yang menunjukkan pelajar politeknik mula merokok akibat pengaruh ahli keluarga dengan Keseluruhan Purata Skor Min sebanyak 2.81.

**Jadual 4:** Skor Min untuk faktor-faktor yang mendorong pelajar merokok:  
Ahli Keluarga dan Diri Sendiri

Soalan	Skor Min	Tingkat Tafsiran
<b>Seksyen 1 : Faktor Ahli Keluarga</b>		
Saya merokok kerana ada ahli keluarga saya yang merokok	2.50	Sederhana
Ayah dan ibu saya tidak melarang saya untuk merokok	2.21	Sederhana
Saya sering terdedah kepada rokok kerana saya sering disuruh membeli rokok oleh ahli keluarga saya	2.05	Sederhana
Ibu bapa tidak ambil peduli/tahu setiap pergerakan saya	1.93	Rendah
Saya merokok kerana kurang didikan daripada ibu bapa saya	1.72	Rendah
Bapa saya sering mempelawa saya untuk merokok bersama-sama	1.64	Rendah
<b>Jumlah Keseluruhan Purata Min</b>		Sederhana
	2.01	
<b>Seksyen 2: Faktor Diri sendiri</b>		
	3.04	Tinggi
Saya cenderung untuk merokok apabila berasa tertekan dan stres		
Merokok membuat saya tidak keseorangan	2.87	Sederhana
Saya merokok untuk merasa kebebasan	2.81	Sederhana
Merokok boleh memberikan ilham kepada diri saya	2.74	Sederhana

---

Saya merokok kerana ingin melambangkan kedewasaan	2.69	Sederhana
Saya merokok kerana ingin berjaga hingga lewat malam	2.69	Sederhana
<b>Jumlah Keseluruhan Purata Min</b>	<b>2.81</b>	Sederhana

---

Seterusnya, dapatan daripada Seksyen 2, Jadual 4, faktor diri sendiri lebih kuat mempengaruhi pelajar politeknik terlibat dengan aktiviti merokok dengan Keseluruhan Purata Min sebanyak 2.81 pada aras sederhana. Lima daripada enam soalan dalam Seksyen 2, Jadual 4 mencatatkan skor min berkedudukan sederhana pada aras tinggi menyokong kepada soalan pertama membawa skor min berkedudukan tinggi (3.04). Dapatan ini menunjukkan faktor diri sendiri lebih utama dalam mempengaruhi seseorang pelajar politeknik terlibat dengan aktiviti merokok.

Bahkan, dapatan skor min bagi soalan-soalan dalam Seksyen 3 dan Seksyen 4, Jadual 5 menunjukkan skor min berada pada aras sederhana dan tinggi. Sekaligus menyokong kepada Keseluruhan Purata Skor Min sebanyak 2.81 bagi faktor media masa dan rakan sebaya (skor min bersamaan 2.90). Ketiga-tiga faktor iaitu faktor diri sendiri, media masa dan rakan sebaya pada kedudukan skor min sederhana aras tinggi. Dapatan ini selari dengan penemuan oleh Mahathir Yahya et al (2018) dalam kajian bertajuk Faktor Tingkah Laku Merokok Dalam kalangan Mahasiswa Universiti.

Seteruskan, bagi mengenal pasti faktor-faktor yang mengekalkan para pelajar di politeknik terus menghisap rokok, dapatan daripada Jadual 6 dan Jadual 7 membantu menjawab objektif kedua kajian. Keseluruhan Purata Skor Min berdasarkan Jadual 6 dan Jadual 7 untuk faktor stres sebanyak 2.92, ketagihan (2.82), rasa tidak bersalah (2.99) dan keseronongan (2.90). Kesemua faktor tersebut berkedudukan pada aras sederhana menunjukkan aktiviti merokok dalam kalangan pelajar politeknik berkekalan disumbang oleh faktor tersebut. Daripada keempat-empat faktor tersebut, purata skor min tertinggi disumbang oleh faktor rasa tidak bersalah sebanyak 2.99 yang direkodkan dalam Jadual 7, Seksyen 7. Skor min ini disokong oleh empat soalan yang mencatatkan skor min pada aras tinggi ( skor min 3.09, 3.08, 3.05 dan 3.00).

**Jadual 5:** Skor Min untuk faktor-faktor yang mendorong pelajar merokok:  
Media Massa dan Rakan Sebaya

<b>Soalan</b>	<b>Skor Min</b>	<b>Tingkat Tafsiran</b>
<b>Seksyen 3 : Faktor Media Massa</b>		
Media massa banyak menyebarkan maklumat mengenai merokok	3.00	Tinggi
Iklan merokok dalam media massa menunjukkan kemewahan dan status hidup yang tinggi	2.77	Sederhana
Babak merokok dalam filem yang mendorong saya merokok	2.75	Sederhana
Majalah asing yang diimport mempunyai imej yang menunjukkan merokok itu melambangkan kehebatan bagi lelaki	2.75	Sederhana
Iklan disiarkan di televisyen menggalakkan saya merokok	2.67	Sederhana
Saya belajar teknik/cara merokok melalui media massa	2.60	Sederhana
<b>Jumlah Keseluruhan Purata Min</b>	<b>2.81</b>	
<b>Seksyen 4: Faktor Rakan Sebaya</b>		
Kebanyakan kawan saya merokok	3.54	Tinggi
Saya merokok kerana sering dipelawa oleh kawan-kawan	2.96	Sederhana
Saya merokok untuk menyahut cabaran kawan-kawan saya yang merokok	2.75	Sederhana
Saya merokok kerana kawan-kawan mengatakan merokok tanda berani	2.74	Sederhana
Kawan-kawan saya menganggap saya “hero” atau hebat jika saya merokok	2.70	Sederhana
Saya merokok untuk diterima di dalam kumpulan	2.69	Sederhana
<b>Jumlah Keseluruhan Purata Min</b>	<b>2.90</b>	Sederhana

**Jadual 6:** Skor Min untuk faktor-faktor yang mengekalkan amalan merokok dalam kalangan pelajar politeknik: Stres dan Ketagihan

<b>Soalan</b>	<b>Skor Min</b>	<b>Tingkat Tafsiran</b>
<b>Seksyen 5 : Faktor Stres</b>		
Apabila saya rasa marah dan kecewa secara tidak langsung saya berfikir untuk merokok	3.07	Tinggi
Saya bergantung kepada rokok untuk melepaskan stres	3.06	Tinggi
Saya berasa lebih tenang apabila merokok	2.98	Sederhana
Saya rasa sakit hati bila saya perlu melakukan sesuatu selama 2 jam tanpa rokok	2.81	Sederhana
Saya merokok kerana membantu saya menyelesaikan masalah	2.79	Sederhana
Bila saya tidak merokok, emosi saya tidak stabil	2.78	Sederhana
<b>Jumlah Keseluruhan Purata Min</b>		Sederhana
	2.92	
<b>Seksyen 6 : Faktor Ketagihan</b>		
Saya merokok jenis jenama tertentu dengan kerap	2.87	Sederhana
Saya berasa sukar untuk tidak merokok	2.84	Sederhana
Saya merokok selepas sahaja bangun dari tidur	2.82	Sederhana
Saya merokok dengan lebih kerap pada jam pertama selepas bangun dari tidur berbanding sepanjang hari	2.81	Sederhana
Saya tetap merokok walaupun saya sakit dan berada di katil pada kebanyakan masa	2.80	Sederhana
Saya akan berasa sukar bila tidak boleh merokok di kawasan yang dilarang untuk merokok	2.78	Sederhana
<b>Jumlah Keseluruhan Purata Min</b>	2.82	Sederhana

**Jadual 7:** Skor Min untuk faktor-faktor yang mengekalkan amalan merokok dalam kalangan pelajar politeknik: Rasa Tidak Bahaya

<b>Soalan</b>	<b>Skor Min</b>	<b>Tingkat Tafsiran</b>
<b>Seksyen 7 : Faktor Rasa Tidak Bahaya</b>		
Saya tetap merokok walaupun didedahkan dengan bahaya rokok melalui media massa	3.09	Tinggi
Saya tetap merokok walaupun saya tahu kandungan rokok itu merbahaya	3.08	Tinggi
Saya tetap merokok walaupun rokok memendekkan jangka hayat hidup	3.05	Tinggi
Saya rasa tidak bahaya untuk merokok walaupun hanya sekali	3.00	Tinggi
Saya tetap merokok walaupun ia bahaya untuk orang yang tidak merokok di sekeliling saya	2.89	Sederhana
Saya tetap merokok di tempat yang dilarang secara tegas untuk merokok	2.81	Sederhana
<b>Jumlah Keseluruhan Purata Min</b>	<b>2.99</b>	Sederhana
<b>Seksyen 8 : Faktor Keseronokan</b>		
Kebanyakkan kawan-kawan saya merokok	3.54	Tinggi
Saya merokok kerana sering dipelawa oleh kawan-kawan	2.96	Sederhana
Saya merokok untuk menyahut cabaran kawan-kawan saya yang merokok	2.75	Sederhana
Saya merokok kerana kawan-kawan mengatakan merokok tanda berani	2.74	Sederhana
Kawan-kawan saya menganggap saya "hero" atau hebat jika saya merokok	2.70	Sederhana
Saya merokok untuk diterima dalam kumpulan	2.69	Sederhana
<b>Jumlah Keseluruhan Purata Min</b>	<b>2.90</b>	Sederhana

Secara tuntas dan mengikut kajian yang telah dijalankan, antara faktor yang mendorong remaja mula merokok ialah pengaruh daripada ibu bapa, rakan sebaya, diri sendiri dan juga pengaruh media masa. Di sini boleh katakan pengaruh rakan sebaya amat kuat dan menebal di jiwa mereka. Selain faktor mendorong remaja mula merokok, dalam kajian ini juga mengkaji faktor-faktor yang mengekalkan pelajar politeknik terus merokok. Selepas membuat kajian, faktor yang didapati adalah dari segi ketagihan, keseronokan, stres dan juga rasa tidak bahaya serta ketagihan.

## 5.0 Kesimpulan dan Cadangan

Kajian ini telah menjawab objektif kajian pertama iaitu faktor-faktor yang mendorong pelajar merokok dan objektif kajian kedua iaitu faktor-faktor yang mengekalkan pelajar politeknik terus merokok. Berdasarkan kajian yang telah dibuat bagi objektif pertama, hasil dapatan menunjukkan keseluruhan purata skor min menunjukkan responden atau pelajar politeknik memberi persepsi setuju atau sangat setuju berkaitan faktor-faktor yang mendorong pelajar mula merokok didokong oleh faktor ahli keluarga yang merokok. Penemuan ini selari dengan hasil dapatan oleh Daing Diana dan Mohd Nizam (2012). Faktor diri sendiri antara faktor yang signifikan yang menyebabkan pelajar politeknik terlibat dalam gejala merokok. Faktor luaran seperti faktor pengaruh rakan sebaya dan persekitaran luar turut mempengaruhi pelajar politeknik terlibat dalam gejala merokok. Hal ini selari dengan penemuan oleh Hasmirizal Lubis (2014) berkaitan faktor luaran.

Dapatkan bagi objektif kedua pula ialah berkaitan faktor-faktor yang mengekalkan pelajar politeknik terus merokok. Secara purata keseluruhan responden bersetuju dengan faktor-faktor yang mengukur tahap pengetahuan tentang faktor-faktor yang mengekalkan pelajar mula merokok. Faktor-faktor yang mengekalkan pelajar politeknik terus merokok antaranya faktor stres, ketagihan, rasa tidak bahaya dan keseronokan. Faktor rasa tidak bahaya mempunyai purata skor min tertinggi walaupun telah ada amaran bahaya merokok oleh pihak pemerintah.

Beberapa cadangan dikemukakan, antaranya gejala negatif merokok menjadi sebahagian dalam kandungan kursus umum yang wajib diambil oleh pelajar politeknik. Selain itu pemahaman bahawa merokok dalam masyarakat islam ialah haram sejahtera dengan fatwa oleh Jabatan Kemajuan Agama Islam Malaysia atau Majlis Agama Islam Negeri. Turut senada dalam perkara ini, ingatan oleh Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah mengulangi peringatan berhubung fatwa pengharaman tabiat merokok yang telah diwartakan oleh kerajaan pada 1995 (Mahani Ishak, 2022).

Oleh itu, pihak Kementerian Kesihatan Malaysia juga dapat bertindak dengan aktif dan lebih peka, bertanggungjawab dan prihatin terhadap aktiviti pelajar politeknik supaya kegiatan merokok dapat dikurangkan. Turut disaran kepada bakal penyelidik untuk meluaskan skop kajian meliputi pelajar institusi TVET lain, kajian ke atas rokok elektronik dan

sebagainya. Akhir sekali, semoga kajian ini memberikan faedah dan nilai tambah kepada semua yang terlibat. Generasi hari ini ialah pewaris kepimpinan negara pada masa depan.

## **RUJUKAN**

- Ahmad Hidayat & Siti Mariam (2016). *Pandangan Pengguna Muslim Terhadap Pemakaian Logo Halal Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim): Satu Sorotan Literatur*. Journal of Shariah Law Research (2016) vol. 1. Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Al Hafiz Ishak, (2023). *Bayan Linnas Siri Ke-274: Pengharaman Rokok Dan Rokok Elektronik*, Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur.
- Astro Awani, (2022). *Merokok: Lebih 27,000 Kematian Rakyat Malaysia setiap Tahun. – Pengamal Perubatan*. Kuala Lumpur
- Berita Harian (2024). *Menuju Masa Depan Bebas Asap Rokok*. Kuala Lumpur.
- Chua Y. P. (2012). *Mastering Research Methods*. Kuala Lumpur: McGraw-Hill.
- Coleman, James (1990). *Foundations of Social Theory*. Cambridge: Harvard University Press.
- Daing Diana Binti Maarof & Mohd Nizam Bin Osman, (2012) *Pengaruh Faktor Sosial Kesan Kempen Media Tak Nak Merokok Kementerian Kesihatan Malaysia*, Jurnal Komunikasi Malaysian Journal of Communication Jilid 29(1) 2013: 179-198, UPM, Serdang
- Hasmirizal Lubis, (2014). *Faktor Mempengaruhi Tingkah Laku Merokok Dalam Kalangan Murid Sekolah Menengah Umum Di Medan*. USM, Pulau Pinang (Tesis Phd) .
- Jamaludin Bakar\*, Syed Ismail Syed Mohamad, Hamidah Yusof & Ida Zaliza Zainol Abidin. (2023). *Tinjauan Literatur Berkaitan Tahap Pengetahuan, Sikap dan Persepsi Orang Awam Terhadap Dasar Larangan Merokok oleh Kementerian Kesihatan Malaysia*. Jurnal Sains Kesihatan Malaysia 20 (2) 2022: 63 – 68. UKM, Bangi.
- Krejeie, R. V. dan Morgan, D. W. (1970). *Determining Sample Size for Research. Educational and Psychological Measurement*.
- Lim, K.H., Teh, C.H., Pan, S., Ling, M.Y., Yusoff, M.F., Ghazali, S.M., Kee, C.C., Lim, K.K., Chong, K.H. and Lim, H.L. 2018a. *Prevalence And Factors Associated With Smoking Among Adults In Malaysia: Findings from the National Health and Morbidity Survey (NHMS) 2015*. Tobacco induced diseases 16: 1-12.
- Mahani Ishak, (2022). *Dr Noor Hisham ingatkan kembali fatwa haram merokok*. Berita Harian, kuala Lumpur.
- Mahathir Yahaya, Noremy Md Akhir, dan Mohd Nazrie Sulaiman, (2018) *Faktor tingkah laku merokok dalam kalangan mahasiswa universiti*. Jurnal Personalia Pelajar, 21 (2). pp. 37-44. ISSN 0128-2735
- Muhamad Hashim Ahmad, Mohd Sharoni Ismail, Mohd Nor Hafiz Saleh, (2023). *Tahap Kesedaran Pengguna Muslim Di Sekitar Shah Alam Terhadap Produk Berlogo Halal*. Seminar Penyelidikan KKSY 2023, Kolej Komuniti Selayang, Selayang.

- Muhamad Hashim Ahmad dan Suria Yusoff, (2015). *Keusahawanan Dalam Kalangan Pelajar Politeknik Malaysia: Satu Tinjauan*. Universiti Erasakti, Padang, Indonesia
- Nor, N.A.M., Ismail, N., Ibrahim, F., Razak, I.A. and AbMurat, N. 2018. *Tobacco use and attitudes towards tobacco control activities of Malaysian dental students*. Archives of Orofacial Science 13(1): 6-15.
- Nunnally, J.C. (1978) *Psychometric theory*. 2nd Edition. McGraw-Hill, New York
- Yusmina Yusoff, Rubiah Ismail dan Muhamad Hashim Ahmad (2015). *Mekanisme Dasar Fiskal Islam Dalam Mencapai Objektif Makroekonomi: Penilaian Dari Aspek Inflasi*. IPN Network, Penang.
- Yusuf al-Qaradawi (1977), *al-Halal wa al-Haram fi al-Islam*. Qahirah: Maktabah Wahbah.